



FACT SHEET TERUSAN WAN MAT SAMAN

1. Terusan Wan Mat Saman mula dibina pada 13 Ogos 1885 dan siap dibina pada 12 Julai 1896 menghubungkan Sungai Kedah di Alor Setar hingga ke kaki Gunung Jerai di Gurun, selatan Kedah dan pada asalnya adalah untuk mengairi kawasan sawah padi di negeri Kedah.
2. Terusan tersebut berada pada dua aras, iaitu aras tinggi, antara Tanah Merah dan persimpangan dengan terusan besar sejauh 10.7km, di mana air akan dipam dari sungai Pendang dan mengairi terusan tersebut, bagi aras yang lebih rendah pula, salirannya di sebelah laut terusan besar tersebut. Jarak terusan itu dalam sepanjang 4 batu. Sepanjang 17.5 km terusan ini berada dalam Daerah Kota Setar dan 15.0 km berada dalam Daerah Yan.
3. Pada mulanya tujuan asal terusan ini adalah untuk mengairi Kawasan sawah padi namun semenjak wujudnya Skim Pengairan Muda pada tahun 1970, terusan ini digunakan sebagai salah satu parit utama untuk menyalirkan air saluran Jalanraya Persekutuan Alor Setar – Guar Chempedak, air saluran kampung dan air buangan sawah.
4. Pihak MADA dengan kerjasama Majlis Daerah Yan telah membangunkan Galeri Terusan Wan Mat Saman bagi tujuan pemuliharaan satu warisan negara yang berpontensi tinggi untuk generasi masa hadapan serta mewujudkan satu produk pelancongan yang baru di negeri Kedah.
5. Pada tahun 2017, International Commission On Irrigation and Drainage (ICID) telah mendaftarkan Terusan Wan Mat Saman sebagai World Heritage Irrigation Structures sempena The 3rd World Irrigation Forum & The 70th International Executive Council Meeting yang telah berlangsung di Bali, Indonesia.
6. Pengiktirafan ini adalah bagi struktur yang telah melebihi 100 tahun dan masih berfungsi di dalam pengurusan pengairan dan merupakan sebahagian daripada rangkaian sistem pengairan MADA telah dipelihara sehingga kini.

7. Tanggungjawab penyenggara Terusan Wan Mat Saman melibatkan tiga (3) buah Jabatan dan Agensi seperti berikut:

JABATAN & AGENSI	PENERANGAN
Majlis Bandaraya Alor Setar	<ul style="list-style-type: none"> • Dari Sungai Kedah hingga Batu 4 Jalan Raya Alor Setar – Guar Chempedak sepanjang 5.5 km. • Kawasan Pekan Simpang Empat dan Pekan Kota Sarang Semut.
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda – MADA	<ul style="list-style-type: none"> • Dari Batu 4 Tandop ke Terusan Selatan sepanjang 24.2 km.
++Majlis Daerah Yan	<ul style="list-style-type: none"> • Dari Terusan Selatan hingga Lecongan Sungai Gurun sepanjang 2.8 km.

8. Semenjak tahun 1970, pihak MADA menjalankan kerja-kerja penyenggaraan Terusan Wan Mat Saman dari Batu 4 Tandop ke Terusan Selatan sepanjang 24.2 km. Skop kerja-kerja berkaitan adalah seperti berikut :
- Pembersihan saluran air termasuk kerja membersihkan tebing saluran.
 - Kerja membuang enapan dari masa ke masa apabila perlu oleh pihak MADA dengan menggunakan jentera dalaman.
 - Pembersihan sampah-sarap dari masa ke masa apabila perlu (3 kali dalam setahun).
9. Kos untuk pembersihan Terusan Wan Mat Saman secara berkala adalah sebanyak 12 pusingan setahun dengan kos RM 130,000 setahun.
10. Secara umumnya pihak MADA tidak mempunyai kuasa/kawalan ke atas orang ramai yang mengotorkan terusan atau tali air MADA. Walau bagaimanapun beberapa langkah boleh dilaksanakan seperti berikut:
- Memasang papan tanda larangan pembuangan sampah dalam saluran air.
 - Hebahan dan kempen ke arah mencintai sumber air dari semasa ke semasa melalui pelbagai platform (perjumpaan bersama peladang, media sosial)
 - Menjalankan kerja pemantauan dari masa ke semasa berdasarkan Akta Pengairan 1953 dan Akta Kanun Tanah Negara 1965.
11. Pihak MADA dan Agensi berkaitan hanya menumpukan kepada penyenggaraan terusan ini tanpa melibatkan kerja-kerja pembangunan yang khusus.
12. Oleh kerana terusan ini berada di dalam lingkungan Kawasan Muda, maka pihak MADA melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan merasakan perlu untuk menyediakan satu pelan pembangunan yang khusus bagi mengembalikan nilai khazanah di negeri Kedah.